

# Qarinah Sebagai Keterangan Dalam Kes-Kes Hudud: Kajian Terhadap Kes Zina

Ruzman Md. Noor\*

## Muqaddimah

Kes-kes hudud bererti kesalahan kes-kes yang boleh dikenakan hukuman hudud. Dalam Syariat Islam hudud biasa diertikan sebagai hukuman yang bentuk dan sifat serta kadarnya telah ditetapkan secara terperinci oleh Allah Ta'ala dan Rasulullah sendiri. Mengikut al-Kasani, ketentuan ini dibuat agar manusia tidak melakukan sesuatu jenayah yang melanggar hak Allah Ta'ala atau biasa disebut sebagai hak awam.<sup>1</sup> Mengikut al-Sarakhsi pula ia disyariatkan untuk memelihara kemuliaan nasab keturunan, harta, akal fikiran dan jiwa daripada dicerobohi atau dirosakkan.<sup>2</sup>

Berasaskan kepada ketentuan-ketentuannya yang rigid, hukuman dalam kes-kes ini adalah tetap dan Hakim atau Qadi tidak boleh menggunakan budi bicara dalam meringan atau menambah walau sedikitpun hukuman ke atas seseorang atau kumpulan orang yang telah disabitkan dengan kesalahan-kesalahan ini.<sup>3</sup>

Mengikut Jumhur, selain daripada Mazhab Hanafi kesalahan-kesalahan Hudud ialah zina, qazaf, curi, minum arak, memberontak, merompak dan murtad.<sup>4</sup> Sementara pembahagian Hudud mengikut pendapat Mazhab Hanafi pula merangkumi jenayah mencuri, berzina, minum arak, mabuk dengan minuman selain arak dan menuhud zina

---

\*Pensyarah di Fakulti Syariah Universiti Malaya

atau qazaf.<sup>5</sup>

Qarinah adalah segala tanda zahir yang mempunyai hubungan dengan sesuatu yang tersembunyi. Mengikut Dr. Wahbah al-Zuhaili tanda yang zahir ini mempunyai hubungan dengan sesuatu fakta yang tidak diketahui dan ia menjelaskan fakta berkenaan.<sup>6</sup> Sebagai contoh, dalam kes pembunuhan, fakta yang menjadi persoalan ialah sama ada A membunuh B. Dalam keadaan ini mahkamah boleh bergantung kepada fakta-fakta berkaitan seperti A dilihat berlari keluar dari rumah B dengan baju berlumuran darah sedangkan mereka diketahui memang mempunyai hubungan yang tidak baik. Fakta-fakta berkaitan ini adalah tanda yang zahir dan ia boleh menerangkan fakta yang menjadi persoalan dalam kes berkenaan. Antara contoh lain ialah berkaitan pertelingkahan suami isteri mengenai siapa yang memiliki barang-barang di dalam rumah mereka. Mengikut kebiasaan, pada zahirnya sesuatu barang yang menjadi milik lelaki adalah milik suami sementara barang-barang yang biasanya menjadi milik perempuan seperti barang kemas dan sebagainya adalah milik isteri. Dapat dilihat di sini bahawa tanda yang zahir mempunyai hubungan dengan perkara yang tidak diketahui dan menjelaskan perkara yang tersembunyi itu.

Dalam undang-undang Keterangan, qarinah ini adalah salah satu daripada kaedah-kaedah pensabitan. Ia boleh dipegang oleh Hakim atau Qadi sebagai dasar untuk menjatuhkan hukuman. Ibnu al-Qayim<sup>7</sup> dengan panjang lebar menghuraikan konsep qarinah ini. Ini adalah kerana, *al-bayyinah* (keterangan) itu sendiri bererti segala sesuatu yang dapat menjelaskan atau menzahirkan kebenaran. Dalam kebanyakan kes, qarinahlah yang menjadi panduan kepada Hakim untuk menjatuhkan hukuman.<sup>8</sup>

### **Qarinah Sebagai Asas Pensabitan**

Setiap sesuatu yang menunjukkan maksud tertentu, sama ada dalam bentuk perkataan, keadaan, suasana, perbuatan dan lain-lain adalah qarinah. Qarinah ini merupakan dalil yang menunjukkan kewujudan atau menafikan kewujudan sesuatu.<sup>9</sup>

Penerimaan qarinah dalam membuat sesuatu ketentuan atau hukuman telah dibincangkan oleh kebanyakan ulama.<sup>10</sup> Ibn Farhun<sup>11</sup> daripada Mazhab Maliki dan Ibn al-Qayyim<sup>12</sup> dari Mazhab Hanbali secara terang menerima prinsip ini sementara beberapa ulama dari mazhab-mazhab yang lain tetap menerimanya walaupun tidak menyebutkan perkara ini secara terang.<sup>13</sup> Sebagai contoh, dalam menerima berunjuk-unjuk ( المطالحة ) dalam jual beli tanpa lafaz tetapi sudah cukup untuk menunjukkan keredaan kedua-dua belah pihak.<sup>14</sup>

Penerimaan qarinah ini dipersaksikan oleh al-Quran, al-Sunnah dan amalan Sahabat Rasulullah.

Dalam al-Quran, Allah berfirman apabila menceritakan kejadian Zulaikha cuba menggoda Nabi Yusuf yang bermaksud:

*"Dan kedua-duanya berlumba mengejar pintu, dan perempuan itu memegang bajunya (Nabi Yusuf) dari belakang hingga koyak....."*

*Yusuf mengatakan: Dialah yang cuba merayu aku. Dan seorang saksi daripada keluarga perempuan itu memberikan keterangannya; Kalau kemejanya koyak dari muka, perempuan itulah yang benar, dan ia (Nabi Yusuf) termasuk orang yang dusta.....*

*Sebab itu, setelah dilihat kemeja Yusuf koyak di belakang, dia mengatakan: Sesungguhnya itu adalah tipu daya kamu (perempuan). Sesungguhnya tipu daya kamu besar (bahayanya).*

(Yusuf : 25-28)

Ayat di atas menunjukkan bahawa qarinah keadaan terkoyaknya baju Nabi Yusuf boleh menentukan siapa yang bersalah dan siapa yang benar dalam kejadian tersebut.<sup>15</sup>

Rasulullah juga menerima Qarinah dalam menentukan sesuatu isu seperti dalam kes pemulangan semula sesuatu barang yang tercincir kepada orang yang mampu menerangkan sifat serta keadaan barang berkenaan.<sup>16</sup> Begitu juga Rasulullah menerima pendapat pakar dalam menentukan nasab mengikut sistem *al-qiafah*, ialah dengan melihat tapak kaki orang berkenaan.<sup>17</sup> Dalam keadaan seperti ini, yang wujud hanyalah tanda dan petunjuk semata-mata.

Di kalangan para sahabat, kita dapatkan Saidina Umar menjatuhkan hukuman Had zina ke atas wanita yang mengandung dalam keadaan ia tidak berkahwin.<sup>18</sup> Begitu juga Ibn Masud menjatuhkan hukuman Had ke atas orang didapati mulutnya berbau arak.<sup>19</sup> Hukuman-hukuman ini dijatuhkan meskipun orang-orang berkenaan tidak mengaku atau tidak disabitkan dengan saksi sebagaimana yang dituntut oleh kebanyakan ulama.

### Qarinah Dalam Kes-kes Hudud

Jumhur Ulama berpendapat hakim tidak boleh menghukum berdasarkan kepada qarinah dalam kes-kes hudud kerana hukuman seperti itu tertolak ada keraguan (syubhah). Namun qarinah diterima dalam soal-soal muamalat dan kekeluargaan jika tiada keterangan lain.<sup>20</sup> Pendapat yang menerima qarinah ini walaupun majoriti di kalangan ulama, namun pertimbangan yang lebih mendalam perlu diteliti bagi setiap kesalahan.

### Qarinah Dalam Kes-kes Zina

Secara umumnya kita dapatkan dua golongan ulama membahaskan soal penerimaan qarinah dalam kes-kes seperti ini:

**Golongan Pertama:** Jumhur Fuqaha tidak menerima qarinah sebagai suatu keterangan untuk mensabitkan kes ini.<sup>21</sup> Sebaliknya mereka berpendapat ia boleh disabitkan dengan jalan iqrar (pengakuan) dan shahadah (kesaksian) sahaja.<sup>22</sup>

Ulama-ulama Mazhab Hanafi<sup>23</sup> dan Syafii<sup>24</sup> secara terang tidak menerima qaedah ini untuk sabitan zina.

Alasan golongan ini, antara lainnya:

i) Seseorang wanita itu boleh mengandung tanpa melakukan persetubuhan misalnya dengan memasukkan air mani dengan tangannya atau dengan tangan orang lain. Hal ini boleh berlaku meskipun tanpa menjelaskan selaput dara.<sup>25</sup>

ii) Dalam kes-kes Hudud, kaedah yang dipegang ialah tertolak hudud bila ada keraguan atau syubhat. Seseorang perempuan yang mengandung tanpa suami tidaklah secara mutlak bererti ia berzina kerana masih wujud kemungkinan yang lain dan ini adalah dikira sebagai keraguan atau syubhat.<sup>26</sup>

**Golongan Kedua:** Qarinah boleh digunakan untuk mensabitkan kesalahan zina. Dalil yang dipegang oleh mereka ialah:

i) Saidina Umar telah menghukum rejam ke atas seorang wanita yang hamil, setelah didapati tiada suami atau tuan.<sup>27</sup> Beliau juga telah berkata, maksudnya: Hukum rejam wajib dilaksanakan ke atas lelaki atau perempuan Muhsin yang melakukan zina apabila ada keterangan, mengandung atau ada pengakuan."<sup>28</sup>

ii) Saidina Othman juga menjatuhkan hukuman rejam ke atas seorang perempuan yang mengandung tanpa suami<sup>29</sup>

iii) Saidina Ali juga berkata bahawa zina yang terang itu ialah apabila seorang perempuan itu didapati mengandung.<sup>30</sup> Imam Malik juga berpendapat bahawa qarinah boleh diterima. Tetapi, sebelum hukuman dijalankan perlu dipastikan bahawa perempuan itu bermukim dan tiada sebarang tanda ia dipaksa atau dirogol.<sup>31</sup>

Kedua-dua pendapat di atas mempunyai aspek-aspek persamaan dalam penerimaan qarinah sebagai suatu jalan pensabitkan kesalahan zina. Pendapat kedua disokong kuat oleh amalan para sahabat. Bahkan para sahabat Rasulullah sepakat dalam hal ini.<sup>32</sup>

Seseorang perempuan yang mengandung tanpa suami dan tanpa sebarang pembelaan (sebarang hujah untuk menolak anggapan bahwa ia telah berzina) adalah secara terang melakukan zina. Qarinah mengandung, disamping itu perlu disokong oleh lain-lain keterangan sebelum seseorang itu boleh dihukum. Jika perempuan itu mempunyai sebarang pembelaan maka ia perlu diberi pertimbangan yang sewajarnya. Saidina Umar pernah melepaskan seorang wanita yang mengandung tanpa suami atas alasan tidurnya terlalu nyenyak hingga tidak sedar apa yang berlaku ke atas dirinya.<sup>33</sup>

Melepaskan seseorang yang melakukan zina dalam suasana masyarakat yang telah rosak adalah menggalakkan kemungkar berleluasa. Adakah wajar seorang perempuan yang mengandung tanpa suami, yang juga dikenali sebagai seorang yang jahat, tanpa pembelaan yang kukuh, dilepaskan begitu sahaja? Sudah tentu *qarinah zahirah* (terang) yang wujud perlu diambil pertimbangan yang sebaiknya.

Bahkan qarinah ini lebih kukuh dari kesaksian. Ibn al-Qayyim menambah bahawa seorang lelaki dibenarkan melaksanakan 'Lian' ke atas isterinya dengan diperkuatkan oleh qarinah bahawa ia nampak seorang lelaki yang dikenali jahat masuk dan keluar dari tempat isterinya.<sup>34</sup>

### Beban Pembuktian Untuk Menafikan Tuduhan.

Apabila qarinah diterima untuk mensabitkan kesalahan zina, soal siapa yang menanggung beban pembuktian juga perlu dibincangkan. Adakah seseorang yang mengandung itu secara ‘*prima facie*’<sup>35</sup> dikira berzina? Jika kita menerima bahawa mengandung adalah qarinah zahirah yang kukuh untuk disabitkan zina, maka boleh dikatakan bahawa seseorang perempuan yang mengandung tanpa suami adalah secara *prima facie* dikira telah berzina. Ini bererti, suatu anggapan terhadap fakta (*presumption of fact*) boleh dibuat oleh pihak Hakim atau mahkamah iaitu perempuan itu telah berzina. Dalam undang-undang Mahkamah Syariah di Malaysia, S. 82<sup>36</sup> *Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah Kelantan 1991* menyebut:

*Mahkamah bolehlah menganggap wujud apa-apa nyataan yang difikirkan telah berlaku, setelah menimbangkan peristiwa tabi'i yang biasanya berlaku, kelakuan manusia, dan urusan awam dan peribadi dalam perhubungannya dengan nyataan bagi sesuatu hal yang tertentu.*

S. 78 Enakmen yang sama menyebut:

*Apabila sesuatu nyataan adalah khasnya diketahui oleh seseorang maka beban bagi membuktikan nyataan itu terletak atasnya. misalan; Apabila seseorang melakukan sesuatu perbuatan dengan sesuatu niat yang lain daripada yang boleh difaham daripada hal keadaan perbuatan itu, maka beban membuktikan niat itu adalah terletak atasnya.*

S. 82 Enakmen di atas memperuntukkan bahawa anggapan boleh dibuat terhadap sesuatu perkara tabi’i yang biasanya berlaku. Maka seseorang perempuan Muslim yang mengandung tentulah dikira telah bersuami dan melakukan persetubuhan. Jika tiada suami maka anggapan boleh dibuat bahawa ia telah berzina. Sementara S. 78 memperuntukkan pembelaan yang dibuat jika secara khusus diketahui oleh orang kena tuduh. Di sini berlaku perpindahan beban bukti ke atas wanita tersebut. Jika perempuan itu mampu menimbulkan keraguan sahaja maka tuduhan boleh diketepikan.<sup>37</sup> Beliau hanya perlu menimbulkan keraguan terhadap pendakwaan (*evidential burden of proof not legal burden of proof*).

Beban pembuktian seperti ini dapat dilihat dalam Kisah Siti Maryam yang melahirkan Nabi Isa(a.s.) sedangkan beliau tidak bersuami. Allah Taala berfirman di dalam Surah Maryam ayat 27-34 yang bermaksud:

*Dan dia datang membawa kepada kaumnya. Mereka mengatakan: Hai Maryam! Sesungguhnya engkau telah melakukan sesuatu yang aneh. Hai saudara Harun! Bapamu bukanlah seorang lelaki yang buruk, dan ibumu bukanlah seorang perempuan yang jahat. Tetapi ia (Siti Maryam) mengisyaratkan kepadanya (Nabi Isa),*

*bagaimana kami akan bercakap-cakap dengan seorang kanak-kanak yang dalam buaian?*

*Dan (Isa) berkata: Sesungguhnya aku ini hamba Allah, diberikan-Nya Kitab kepada aku, dan aku dijadikan-Nya seorang Nabi.*

*Dijadikan-Nya aku pembawa berkat di mana sahaja aku berada, dan diperintahkan-Nya kepada aku mengerjakan sembahyang dan membayar zakat selama aku hidup.*

*Dan berbakti kepada ibuku, dan tiadalah aku dijadikan-Nya seorang yang sompong dan celaka.*

*Dan keselamatan untuk aku pada hari aku dilahirkan, pada hari aku wafat dan pada hari aku dibangkitkan kembali.*

*Itulah Isa anak Maryam, ucapan kebenaran, yang mereka, ragui kebenarannya.*

Ayat ini menunjukkan bahawa Maryam yang melahirkan Nabi Isa (a.s) telah dituduh melakukan kecurangan. Perkara ini didakwa setelah Maryam membawa Nabi Isa kepada kaumnya pada ketika itu.

Namun begitu beberapa tanda atau qarinah pula menunjukkan bahawa Maryam tidak bersalah dan ini adalah kurniaan yang datang daripada Allah Taala. Pertama, Maryam mengemukakan suatu mukjizat yang berlaku kepada Nabi Isa sehingga ia boleh berkata-kata walaupun masih di dalam buaian. Kedua, qarinah pertama tadi diperkuatkan dengan kedudukan keluarga Maryam yang dikenali sebagai golongan yang baik dan dihormati. Begitu juga Maryam adalah ahli Ibadat yang dikenali di kalangan kaumnya. Keterangan-keterangan ini berpihak kepada Maryam dan menjadi hujjah pembelaan bahawa beliau tidak melakukan sebarang kerja mungkar yang hanya dilakukan oleh perempuan-perempuan yang jahat dan tidak bermoral.<sup>38</sup>

Jika orang kena tuduh itu mendakwa bahawa ia dirogol<sup>39</sup> atau tidak waras,<sup>40</sup> maka dakwaannya termasuk dalam pengecualian am (*general exception*). S. 77 menyebut:

*Apabila seseorang dituduh atas sesuatu kesalahan, maka beban membuktikan adanya hal keadaan yang membawa kes itu termasuk dalam kecualian am di dalam mana-mana undang-undang itu adalah terletak atasnya, dan Mahkamah hendaklah menganggap hal keadaan yang tersebut itu sebagai tiada.*

Rasulullah ada menyebut maksudnya;

*“Seseorang anak Adam itu tidak dikira berdosa dalam tiga keadaan; orang yang tidur hinggalah ia sedar; budak-budak hinggalah ia baligh; dan orang gila hinggalah ia waras.”*

*Hadith riwayat Abi Daud daripada Aisyah.*

Di dalam Hadith yang lain Rasulullah menyebut yang bermaksud:

*"Umatku dimaafkan dalam keadaan-keadaan yang tersilap, lupa dan yang kena paksa."*

*Hadith riwayat Ibu Majalah daripada Abi Dzar.*

Imam Bukhari menyebut bahawa jika seorang dipaksa melakukan persetubuhan maka tidak dikenakan had. Beliau meriwayatkan suatu Hadith bahawa Saidina Umar melepaskan orang yang dirogol.<sup>41</sup>

Begitu juga beberapa Hadith disebutkan oleh Ibn Athir bahawa orang yang dipaksa melakukan persetubuhan dilepaskan daripada had zina.<sup>42</sup>

### Kesimpulan

Kesimpulan yang dapat dibuat ialah qarinah yang kukuh dapat digunakan sebagai asas untuk mensabitkan kesalahan zina. Sebahagian ulama yang tidak menerima kaedah ini sebenarnya mengambil langkah berhati-hati dan cermat. Dalam keadaan-keadaan yang begitu jelas dan kukuh maka sabitan masih perlu dikenakan kepada perempuan berkenaan.

Walau bagaimanapun seperti kes-kes yang lain, pihak yang kena tuduh sentiasa diberikan peluang untuk membela diri. Namun begitu beliau perlu mendatangkan bukti dan keterangan bahawa ia tidak bersalah. Semuanya ini diambil pertimbangan sebelum sabitan dan hukuman dapat diputuskan.

**Nota Kaki**

1. Al-Kasani, *Bada'i al-Sana'i*, Al-Jamaliah; Qaherah, 1328H, Jld. 7, ms. 3.
2. Al-Sarakhsi, *al-Mabsut*, Jld. 9, Al-Saadah; Qaherah, 1323 H, ms. 36.
3. Dr. Wahbah al-Zuhaili, *al-Fiqh al-Islami wa Adillatuhu*, Dar al-Fikr; Damsyik, 1984, Jld. 6, ms. 12.
4. Dr. Wahbah al-Zuhaili, op. cit., ms.13
5. Al-Kasani, op. cit., Jld. 9, ms. 3.
6. Dr. Wahbah al-Zuhaili, op. cit., Jld. 6, ms. 644.
7. Ibn al-Qayim, *al-Turuq al-Hukmiyyah fi al-Siyasah al- Syariyyah*, Matbaah al-Sunnah al-Muhammadah; Qaherah, 1953, m.s. 3-24.
8. Ibn al-Qayyim, Ibid, ms. 24.
9. Dr. Abdul Karim Zaidan, *Nizam al Qada'*, Matbaah al- 'Ani; Baghdad, 1984, m.s. 219. Juga rujuk Ibn al-Qayyim, op. cit. m.s 100.
10. Dr. Karim Zaidan, Ibid., ms. 221.
11. Ibn Farhun , *Tabsirah al-Hukkam*, Al-Syarafiah; Qaherah, 1301 H, Jld. 2, ms. 88-91.
12. Ibn al-Qayyim, op. cit., ms. 100.
13. Dr. Karim Zaidan, op. cit., ms. 222.
14. Ibn al-Qayyim , op. cit. ms. 21.
15. Ibn al-Qayyim, Ibid, ms. 6.
16. Ibn al-Qayyim, Ibid., ms. 10.
17. Ibid. ms. 10.
18. Ibid., ms. 99
19. Ibid.
20. Dr. Wahbah al-Zuhaili, op. cit., Jld. 6, m.s. 391.
21. Ibid.  
Juga rujuk Ibn Qudamah, *al-Mughni*, Maktabah al-Qaherah; Mesir, 1969, Jld. 9, m.s. 79.

Juga rujuk Sayed Sabiq, *Fiqh al-Sunnah*, Maktabah Dar al-Turath; Qaherah, n.d., m.s. 350.

22. Ahmad Fathi Bahansi, *Nazariyat al-Ithbat*, Maktabah al-Wa'yu al-Islami; Fajalah, m.s. 196.  
Juga Rujuk Dr. Wahbah al-Zuhaili, op. cit, Jld. 6, ms. 46.
23. Dr. Wahbah al-Zuhaili, op. cit., Jld. 6, ms. 47.
24. Ibn Rusd, *Bidayah al-Mujtahid wa al-Nihayah al-Muqtasid*, Maktabah al-Kulliyah al-Azhariyyah; Mesir, 1966, Jld. 2. m.s. 478.  
Juga rujuk Ibn Qudamah, op. cit., Jld. 8, m.s. 210.
25. Ibn Qudamah, Ibid., Jld. 8, m.s. 211.
26. Ibid. Jld. 8, ms. 211.
27. Ibn al-Qayyim, op. cit. , m.s. 6.  
Juga rujuk Ibn Qudamah, op. cit. , Jld. 8, m.s. 210.
28. Ibn Athir, *Jami' al-Usul fi Ahadith al-Rasul*, Jld. 3, Maktabah Dar al-Bayan, 1970, m.s. 495.
29. Ibn Qudamah, op. cit., Jld. 8, m.s. 211.
30. Ibid.
31. Ahmad Fathi Bahansi, op. cit., ms. 196.
32. Dr. Wahbah al-Zuhaili, op. cit., Jld. 6, ms. 47.  
Juga rujuk Sayed Sabiq, op. cit., m.s. 357.
33. Ibn Qudamah, op.cit. , ms. 211.
34. Ibn al-Qayyim, op. cit., ms. 22.
35. Prima facie boleh diertikan sebagai keterangan sekali pandang iaitu suatu darjah keyakinan keterangan satu pihak itu sudah cukup bagi orang yang munasabah menyokong isu bagi pihaknya atau dari segi lain pula tiada orang yang munasabah boleh menolong isu pihaknya jika tiada keterangan lain yang lebih meyakinkan.  
Lihat Cross, *Cross on Evidence*, Butterworths; London, ms. 26.
36. Section ini 'in pari materia' dengan s. 114 Akta Keterangan 1950.
37. Rujuk Sayed Sabiq, op. cit., ms. 350. Ulama Mazhab Maliki berpendapat jika perempuan mendakwa dipaksa maka ia perlu datangkan tanda atau keterangan yang menunjukkan ia dipaksa. Begitu juga jika ia mendakwa masih ada dara, sudah berkahwin atau memang tidak mempu secara fizikal melakukan persetubuhan.

38. Mohd Ali al-Sabbuni, *Mukhtasar Tafsir Ibn Kathir*, Dar al-Quran al-Azim; Beirut, 1981, Jld. 2, m.s. 449.  
Juga rujuk Sayed Qutb, *Fi Zilal al-Quran*, Dar al- Syuruq; Beirut, Qaherah, 1982, Jld. 4, m.s. 2308.
39. Ibn al-Athir, op. cit., Jld. 3, ms. 503-507.
40. Ibid.
41. Al-Bukhari, *Sahih al-Bukhari*, Terjemahan Dr. Muhammad Muhsin Khan, Kazi Publications; Chicago, 1979, Vol. 9, m.s. 66.
42. Ibn al-Athir, op. cit., Jld. 3, m.s 503-507.